

Kawasan sempadan perlu dimaju untuk UM 17 JUN 1985 cegah seludup - PM

CANGLUN (Kedah) 16 Jun - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia perlu membuka lebih banyak ladang-ladang dekat sempadan Malaysia - Thailand sebagai langkah membanteras kegiatan - kegiatan jenayah, penyeludupan dan sebagainya.

Langkah membuka kawasan - kawasan sempadan ini perlu diambil kerana sempadan rasmi negara ini dengan Thailand sampai hingga ke Bukit Kayu Hitam di Kedah yang dulunya dianggap hanya ke pusat

imigresen di Caglun sahaja, katanya ketika berucap di majlis terbuka puasa di FELDA Bukit Tangga dekat sini malam tadi.

Perdana Menteri mengakui kawasan tersebut dahulunya merupakan sebuah kawasan yang terpencil di mana banyak berlaku kegiatan jenayah, penyeludupan dan sebagainya di samping kedudukannya sebagai satu kawasan keselamatan yang bahaya.

Beliau menyatakan, kawasan utara daripada pusat imigresen Caglun hingga ke Bukit Kayu Hitam dulu dianggap seolah - olah sebagai bukan sebahagian dari Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin bahawa dengan adanya rancangan FELDA Bukit Tangga dan kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berdekatan dengan tempat itu, kawasan

sempadan itu akan mempunyai ramai penduduk.

"Ia akan merupakan kawasan yang telah dibangunkan dan akan membawa banyak manfaat kepada penduduk - penduduk di sini dan Kubang Pasu amnya" tambah Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga selaku ahli Parlimen Kubang Pasu.

Rancangan FELDA Bukit Tangga yang telah dibuka sejak tujuh tahun lalu dengan tanaman getah hanya menempatkan kira-kira 300 keluarga peneroka, tetapi sekarang mempunyai penduduk lebih 1,600 orang.

Bagaimanapun, beliau berpendapat walaupun terpencil, tetapi keadaan penduduk di rancangan tersebut adalah lebih baik daripada kampung - kampung tradisional dengan mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan se-

bagainya.

Perdana Menteri selanjutnya memuji usaha - usaha menanam tembakau dan sayur - sayuran yang dijalankan oleh peneroka - peneroka rancangan FELDA di situ yang merupakan usaha penting bagi menambatkan pendapatan masing - masing.

Katanya, "kita tidak boleh bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja, kita tidak boleh yakin getah sahaja boleh membawa kekayaan kepada kita dan sekiranya harga getah jatuh, kita boleh bergantung kepada tembakau dan lain-lain tanaman yang mendatangkan hasil kepada kita."

Perdana Menteri menjangkakan kerajaan memang memberi bermacam - macam kemudahan tetapi usaha daripada rakyat mesti ada walaupun sedikit.